

# ‘Projek perintis’ lahirkan usahawan muda

**Kuala Lumpur:** Inisiatif untuk belia yang diumumkan dalam PEMERKASA berpotensi menjadi pemangkin usaha memastikan lebih 50 peratus belia menceburi bidang perniagaan dalam lima tahun akan datang.

Pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai, berkata inisiatif untuk belia yang sebahagian besar bagi keusahawanan dilihat sebagai ‘projek perintis’ sejauh mana belia mengambil peluang menyertai program berkenaan ketika ini.

“Sekiranya berjaya, ia mungkin menjadi pemangkin memastikan dalam tempoh lima tahun akan datang, lebih 50 peratus kumpulan belia menceburi perniagaan supaya tekanan sektor

pekerjaan akan berkurangan.

“Dalam jangka panjang, kita nak belia berniaga dan memperoleh pendapatan lebih tinggi daripada pendapatan penggajian, yang sudah tidak berkembang sejak berpuluh tahun lalu,” katanya kepada *BH*, semalam.

Barjoyai berkata, lanjutan inisiatif eBelia juga dilihat sebagai

usaha memangkin penggunaan e-dompet dalam kalangan komuniti di seluruh negara, seperti di China, apabila lebih 98 peratus menggunakan e-dompet dalam tempoh kurang 10 tahun.

Bagaimanapun, katanya, ramai kumpulan sasar tidak menyedari dan memahami atau tidak tahu bagaimana mengakses

“Dalam jangka panjang, kita nak belia berniaga dan memperoleh pendapatan lebih tinggi”

**Barjoyai Bardai,**  
*Pakar ekonomi*



bantuan diumumkan, sekali gus kerajaan perlu melaksanakan program tambahan bagi menyokong inisiatif berkenaan.

Pakar ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, pula berkata bantuan dan inisiatif kepada belia dalam PEMERKASA terarah kepada sokongan tambahan kepada inisiatif terdahulu, seperti Program Subsidi Upah dan Insentif Pekerjaan.

Katanya, inisiatif itu mampu membantu sebahagian kecil belia, dan kerajaan perlu melaksanakan intervensi pasaran jangka panjang untuk mengatasi isu kelangsungan dan kelestarian ekonomi belia yang berlarutan sejak sebelum COVID-19.

“Isu ekonomi dalam kalangan belia bertambah meruncing apabila ekonomi terkesan akibat langkah kawalan pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Ahmad Fahmi Mohd Samsudin, berkata pendekatan kerajaan yang menumpukan kepada program pembangunan usahawan adalah langkah tepat untuk memajukan belia.

Bagaimanapun, katanya, pemakluman mengenai inisiatif itu perlu lebih meluas, khususnya bagi mereka yang tiada akses internet kerana masih ramai belia yang tidak maklum mengenai inisiatif disediakan kerajaan.